



جباتن كحاكيمان شرعية مليسيا
DEPARTMENT OF SYARIAH JUDICIARY MALAYSIA
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA
Aras 2 & 3, Blok D7, Parcel D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62677 PUTRAJAYA

TEL : 03-888 64800
FAKS: 03-888 91627

JKSM /100-24/5 Jld. 3 (55)

13 Rabiulawwal, 1427H/
12 April, 2006M

Y.A.A. Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah Syariah / Jabatan Kehakiman Syariah,
Negeri-negeri Seluruh Malaysia

**Arahan Amalan No. 5 Tahun 2006
Kesan Perjanjian Persetujuan Sulh**

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A. kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia Tahun 2006 pada 12 hingga 14 April, 2006 bersamaan 13 hingga 15 Rabiulawwal, 1427H di Shah Alam, Selangor yang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan amalan bahawa kesan perjanjian persetujuan Sulh yang menepati kehendak Hukum Syarak yang telah direkodkan dan disahkan oleh Mahkamah tidak boleh ditarik balik dan tidak boleh dirayu oleh pihak-pihak yang terlibat dengan perjanjian persetujuan tersebut.

Arahan Amalan ini berkuatkuasa mulai 1 Jun, 2006.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

(DATUK SHEIKH GHAZALI BIN HJ. AB. RAHMAN)
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie,
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

azmee/aa5/2006